

KUALA LUMPUR, 26 OKT (BERNAMA) -- USAHA MENGHAPUS KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT BAGI MENCAPAI PERPADUAN NEGARA AKAN DITERUSKAN WALAUPUN SELEPAS TEMPOH 1990, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG) SAMA ADA DASAR EKONOMI BARU (DEB) AKAN DILANJUTKAN SELEPAS 1990, PERDANA MENTERI BERKATA USAHA-USAHA KE ARAH MATLAMAT ITU TIDAK SEMESTINYA TERHENTI PADA 1990

BAGAIMANAPUN, KATA PERDANA MENTERI, STRATEGI PEMBANGUNAN NEGARA SETERUSNYA PERLU DIPERTIMBANGKAN DENGAN TELITI DENGAN MENGAMBILKIRA KEADAAN SEMASA DAN ARAH PEMBANGUNAN NEGARA SELANJUTNYA.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PANDANGAN RAKYAT AKAN DIAMBILKIRA DALAM MERANGKA SEMULA SESUATU DASAR PEMBANGUNAN.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENUBUHKAN JAWATANKUASA PILIHAN PARLIMEN UNTUK MENGAJI PELAKSANAAN DEB. - LAGI.

1640MST 26 10 87

B B102 DEB

PARLIMEN-DEB 2 KUALA LUMPUR

WALAUPUN TERDAPAT TOHMAHAN TENTANG KELEMAHAN DALAM PELAKSANAAN DEB, NAMUN TIADA BUKTI-BUKTI YANG DIBERIKAN MENGENAI KELEMAHAN-KELEMAHAN ITU, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN MENEGASKAN KERAJAAN MENYAMBUT BAIK SEGALA TEGURAN DAN PANDANGAN UMUM MENGENAI KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG MUNGKIN TIMBUL DALAM PELAKSANAAN PROGRAM DEB ITU DAN AKAN BERUSAHA MENGATASINYA.

MENGENAI KEJAYAAN DALAM KEDUA-DUA ASPEK DEB IAITU MEMBASMI KEMISKINAN DAN MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT, KATANYA, KADAR KEMISKINAN DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA 49.3 PERATUS PADA TAHUN 1970 KE 18.4 PERATUS PADA TAHUN 1984.

KADAR KEMISKINAN DI LUAR BANDAR JUGA MENURUN DARIPADA 58.7 PERATUS (1970) KEPADA 24.7 PERATUS ...ULANG... 24.7 PERATUS (1984), KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA PEMILIKAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR SYARIKAT MENCAPAI 17 PERATUS PADA TAHUN 1985 BERBANDING HANYA 2.4 PERATUS PADA 1970.

BILANGAN USAHAWAN BUMIPUTERA DAN PROFESIONAL/PEKERJA BUMIPUTERA DALAM PELBAGAI KEGIATAN EKONOMI JUGA BANYAK MENINGKAT BERBANDING TAHUN 1970, TAMBAHNYA. - LAGI.

1655MST 26 10 87

U B096 DEB

PARLIMEN-DEB 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA MEMANDANGKAN OBJEKTIF DEB PERLU DICAPAI DALAM KONTEKS EKONOMI BERKEMBANG, KEMELESETAN EKONOMI TELAH MEMBANTUTKAN USAHA KERAJAAN KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT DEB MENJELANG 1990.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN HAJI BUJANG ULIS (BEBAS-SIMUNJAN), BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK MEMBUAT KAJIAN SECARA TERPERINCI MENGENAI PENCAPAIAN DEB DI NEGERI-NEGERI MEMANDANGKAN IA MENGAMBIL MASA YANG PANJANG SEDANGKAN BANYAK LAGI PROGRAM-PROGRAM LAIN YANG PERLU DILAKSANAKAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ENCIK V. DAVID (DAP-PUCHONG) SAMA ADA KERAJAAN MEMBERI STATUS KERAKYATAN YANG SAMA KEPADA SEMUA KAUM SELEPAS 1990 DEMI PERPADUAN NEGARA, BELIAU BERKATA YANG PENTING BUKANLAH PADA NAMA TETAPI USAHA-USAHA YANG MENENTUKAN PERPADUAN ITU DICAPAI.

KEPADA SOALAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJONG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEPERTI NEGARA-NEGARA LAIN KERAJAAN TIDAK DAPAT MENENTUKAN KADAR PENCAPAIAN EKONOMI NEGARA PADA MASA KINI MEMANDANGKAN KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK STABIL DALAM DAN LUAR NEGERI. - BERNAMA.

1649MST 26 10 87